

12 MAR 2001

Ramli-lesen (Bergambar)

PENSWASTAAN LESEN JPJ UNTUK KEMUDAHAN ORANG RAMAI

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Cadangan menswastakan Bahagian Pelesenan, Jabatan Pengangkutan Jalan, tidak akan membebankan rakyat sebaliknya bertujuan melicinkan pentadbiran dan pengurusan yang boleh memberi manfaat kepada orang ramai, kata Timbalan Menteri Pengangkutan Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Beliau berkata ada rakyat yang masih keliru dan menganggap cadangan penswastaan itu membebankan mereka.

"Walaupun bahagian ini akan diswastakan, ia masih lagi di bawah kawalan dan tanggungjawab kerajaan," katanya kepada pemberita di sini.

Ramli berkata penswastaan bahagian itu bakal membuka ruang kepada penggunaan teknologi dan idea-idea baru dalam melicinkan pentadbiran dan pengurusan.

"Dari beberapa aspek, penswastaan pelesenan ini akan mendatangkan keuntungan kepada kakitangan, jabatan dan akhirnya orang ramai," katanya.

Pada minggu ini, Ramli dipilih untuk menjawab beberapa soalan yang dikemukakan oleh pengunjung UMNO Online, sebuah laman web parti itu.

Bulan lepas Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz turut menghadiri sesi serupa.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menjawab soalan dari pengunjung-pengunjung UMNO Online bulan depan, demikian menurut seorang pegawai UMNO Online.

--BERNAMA

KK ZS MAI